

LAPORAN SIRIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN
TEMERLOH, PAHANG

Oleh

FATIMAH BINTI ABDUL GHANI
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserafkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039794



LI 16 FPE I 2005



1100039794

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Alam Sekitar
Cawangan Temerloh, Pahang / Fatimah Abdul Ghani.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039794	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
FPE
CH
2005

**DRAF AKHIR LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
DI JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN TEMERLOH,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Disediakan Oleh :

FATIMAH BINTI ABDUL GHANI

Sarjana Muda Pengurusan

(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

1100039794

SENARAI ISI KANDUNGAN

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
PENGHARGAAN	i
PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	ii
SENARAI RAJAH	iii
RINGKASAN EKSEKUTIF	iv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Sejarah Penubuhan	2
1.2 Maklumat Organisasi	5
1.3 Visi	6
1.4 Misi	7
1.5 Objektif Jabatan Alam Sekitar Pahang	7
1.6 Objektif Jabatan Alam Sekitar	7
1.7 Fungsi Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang	8
1.8 Fungsi Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh	9
1.9 Strategi	12
1.10 Piagam Pelanggan	12
1.11 Ikrar Alam Sekitar	13
1.12 LOGO Jabatan	14
1.13 Carta Organisasi	14
1.14 Aktiviti Organisasi	19
1.15 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	23
1.16 Senarai Program Yang Dipelajari Semasa Latihan Industri	26

ISI KANDUNGAN**HALAMAN****BAB 2: PENGENALPASTIAN SISTEM
SEDIA ADA, MASALAH DAN
CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1	Pengenalpastian Sistem	31
2.2	Pengenalpastian Masalah	36
2.3	Cadangan Penyelesaian	42
2.4	Analisis SWOT	47

BAB 3: PENUTUP **56****RUJUKAN****LAMPIRAN**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan selamat sejahtera kepada semua pembaca yang budiman. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima lasih terutamanya kepada Penyelia Latihan Industri bagi pihak fakulti iaiti Tuan Haji Mohamad Razali bin Abdullah dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh serta tidak lupa juga kepada kakitangan universiti yang terlibat untuk program latihan industri.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Ketua Cawangan Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh, Encik Mahadi bin Ahmad dan Puan Siti ShamSinar bt Annuar selaku penyelia latihan industri yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan dorongan sepanjang tempoh latihan industri ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh iaitu Encik Nor Azlee Kasmin, Cik Faiizah Md Arshad, Encik Razali Mohd. Khalid, Encik Zulkifli Tukiman, Encik Syed Zulkifly Syed Zainal Abidin, Encik Kamaruddin Shafie, Encik Roslan Hashim dan Encik Baharuddin Mat Tahar yang telah banyak membantu dalam memberikan bimbingan semasa saya berada di jabatan ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada rakan-rakan yang telah bersama-sama menjalani latihan industri ini. Juga buat keluarga yang tidak jemu memberikan dorongan dan semangat kepada saya selama ini.

Akhir kata dari saya, setiap apa yang diajarkan oleh pihak yang terlibat amat saya hargai dan saya memohon beribu kemaafan.

Sekian, Terima kasih.

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Fatimah Binti Abdul Ghani (UK 8149) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : Fatimah Binti Abdul Ghani

No. Matrik: UK 8149

Tarikh: 16 Oktober 2005

Disahkan Oleh:



(Tuan Haj Mohamad Razali Bin Abdullah)
Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

SENARAI RAJAH

<u>NO. RAJAH</u>	<u>RAJAH/LOGO</u>	<u>HALAMAN</u>
1.10	PIAGAM PELANGGAN	12
1.11	LOGO JABATAN	14
1.12.1	CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN TEMERLOH	16
1.12.2	CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR PAHANG	17
1.12.3	SENARAI NAMA PEGAWAI BESERTA JAWATAN DI JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN TEMERLOH	18
1.15	SENARAI PROGRAM YANG DIPELAJARI SEMASA LATIHAN INDUSTRI	26

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan salah satu subjek yang wajib diambil untuk pelajar bagi jurusan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial dalam subjek SOS 4299 Latihan Industri khususnya dan seluruh pelajar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) umumnya. Latihan Industri telah disusun khas buat pelajar untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan situasi sebenar yang akan dilalui oleh pelajar selepas tamat belajar nanti. Semua yang dilakukan adalah sebagai persedian awal, agar pelajar dapat membiasakan diri dengan alam pekerjaan yang sebenar.

Objektif utama Latihan Industri ialah bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan, disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti pekerjaan. Selain itu, pelajar juga boleh menjalankan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional. Objektif lain adalah untuk memastikan pelajar dapat memahami nilai etika dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Sepanjang menjalani latihan Industri iaitu selama tiga bulan bermula dari 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005, pelatih telah berpraktikum di Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh, Pahang dan telah ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan Kawalan. Cawangan ini menjalankan pemantauan alam sekitar di kawasan tanah jajahan taklukannya. Di samping itu juga, cawangan ini mengadakan program-program yang berkaitan dengan alam sekitar bersama penduduk dalam kawasan jajahannya.

Sebagai sebuah jabatan yang berfungsi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh tidak terkecuali dalam mengalami beberapa masalah dalam sistem pengurusannya. Antaranya seperti masalah kekurangan kakitangan, kekurangan program untuk memperkenalkan Jabatan Alam Sekitar kepada orang ramai, penyalahgunaan mesin perakam waktu, penyalahgunaan kemudahan pejabat, komputer, internet dan kemudahan telefon, menghadapi karenah birokrasi dan kebarangkalian berlakunya penipuan dalam dokumen. Berdasarkan masalah yang dihadapi, pelatih mencadangkan cara-cara penyelesaiannya. Antaranya ialah dengan mengambil kakitangan untuk memenuhi unit-unit yang kosong, mengadakan program yang melibatkan orang awam, memperkenalkan sistem kad pintar, memantau penggunaan kemudahan pejabat, komputer, internet dan kemudahan telefon, mengurangkan karenah birokrasi dan segala dokumen dan surat haruslah disertakan bersama dengan dokumen yang asli untuk mengelakkan masalah penipuan.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini banyak memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelatih berkenaan sistem pengurusan dan pendedahan kepada alam kerja yang sebenar. Pengalaman-pengalaman yang diperolehi digunakan sebagai ilmu yang berguna. Gambaran sebenar situasi pekerjaan sememangnya berguna kepada pelajar. Jadi diharapkan latihan seumpama ini akan diteruskan bagi meningkatkan dan menambahkan ilmu mahasiswa dan mahasiswi.